



URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM & PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ingin mempelawa mana-mana pegawai yang berminat dan berkelayakan untuk mengemukakan permohonan bagi urusan persediaan pemangkuan seperti berikut:

2.0 JAWATAN-JAWATAN TERLIBAT:

- a. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S6 ke Gred S7
- b. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S5 ke Gred S6
- c. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S2 ke Gred S3
- d. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S1 ke Gred S2

3.0 SYARAT PERMOHONAN:

- 3.1 Kelayakan pemohon:

BIL	URUSAN PEMANGKUAN	KELAYAKAN
a.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S6 ke Gred S7	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S6 pada 31 Disember 2016 dan sebelum.
b.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S5 ke Gred S6	Telah dilantik ke Gred S5 pada 31 Disember 2016 dan sebelum.
c.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S2 ke Gred S3	Telah dinaikkan pangkat ke Gred S2 pada 31 Disember 2016 dan sebelum.
d.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S1 ke Gred S2	Telah dilantik ke Gred S1 pada 31 Disember 2016 dan sebelum.

- 3.2. telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 3.3 markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024) tidak kurang 85%;
- 3.4 bebas daripada hukuman tatatertib;
- 3.5 telah mengisyiharkan harta;
- 3.6 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.7 bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 3.8 tidak hilang kekanan yang menyebabkan tarikh lantikan/ kenaikan pangkat berubah disebabkan faktor-faktor berikut:
 - a. pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - b. cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - c. pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya (jika berkaitan);
 - d. tidak hadir bertugas tanpa sebab dan alasan munasabah.
- 3.9 diperaku oleh Ketua Jabatan.

4.0. Pegawai yang telah genap 13 tahun dari tarikh lantikan/ tarikh naik pangkat atau akan genap 13 tahun dalam tempoh 6 bulan (dari tarikh tutup iklan ini) tidak akan diperakurkan ke mana-mana urusan ini kerana pegawai telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara TBK1 dan TBK2.

Sekiranya pegawai ingin ditempatkan secara hakiki, ia boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- 4.1 pegawai mengemukakan permohonan untuk bertukar dengan menyatakan alasan pertukaran untuk mengisi jawatan hakiki. Penempatan pegawai di jawatan hakiki adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan/ giliran pertukaran ke lokasi yang dimohon; atau
- 4.2 Ketua Jabatan boleh mengemukakan permohonan kepada JAKIM untuk menempatkan pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara TBK1 atau TBK2 ke jawatan hakiki yang kosong di Kementerian/ Jabatan.

5.0 DOKUMEN PERMOHONAN PEMANGKUAN

- 5.1 **Lampiran A** - Surat Permohonan Pemangkuan;
- 5.2 **Lampiran B** - Perakuan Ketua Jabatan;
- 5.3 **Lampiran A** - Surat Akuan Pinjaman Pendidikan (Sila lampirkan bukti sekiranya pembayaran pinjaman pendidikan telah selesai atau dibuat secara ansuran bulanan melalui pembayaran tunai/ potongan gaji);
- 5.4 **Lampiran D** - Borang Tapisan Keutuhan SPRM;
- 5.5 Salinan Surat Keputusan Tapisan Keutuhan SPRM;
- 5.6 Salinan Surat Perisyiharan Harta terkini (Tempoh sah laku 5 tahun);
- 5.7 Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (1 set); dan
- 5.8 Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (2022, 2023, 2024).

6.0 Hanya pegawai yang bersedia untuk PENEMPATAN SEMULA MENGIKUT KEKOSONGAN DI SELURUH NEGARA digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini. Pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi dimohon untuk memastikan hanya permohonan yang memenuhi syarat dikemukakan ke BPSM, JAKIM. Sebarang kesilapan fakta boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7.0 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

31 JULAI 2025 (KHAMIS)

8.0 ALAMAT PENGHANTARAN DOKUMEN PERMOHONAN PEMANGKUAN

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
(u.p. Cawangan Kemajuan Kerjaya dan Prestasi)

9.0 URUS SETIA

Sebarang pertanyaan boleh dimelaskan ke prestasi@islam.gov.my atau hubungi urus setia seperti berikut:

- | | |
|-------------------------------------|------------------|
| Puan Azlim Almey binti Abu Abas | - 03 - 8870 7603 |
| Encik Ahmad Muhamram bin Mohd Ariff | - 03 - 8870 7696 |
| Puan Halina binti Ibrahim | - 03 - 8870 7695 |
| Puan Nurul Nadhirah binti Nazri | - 03 - 8870 7694 |